

TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : PSAS PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PROTON TINGKAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET

SUMBER : BERNAMA - 14 JULAI 2026

PSAS Perkukuh Kerjasama Strategik Dengan Proton Tingkat Kebolehpasaran Graduan TVET

🕒 14/07/2026 07:42 PM



Kredit: Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)

IPOH, 14 Julai (Bernama) -- Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) memperkukuh kerjasama strategik dengan Proton Holdings Bhd (Proton) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menerusi peluasan kolaborasi dalam pembangunan modal insan, latihan industri serta perkongsian kepakaran.

PSAS dalam kenyataan hari ini memaklumkan kerjasama itu dibincang menerusi kunjungan delegasi institusi berkenaan ke Proton Tanjung Malim yang diketuai Pengarahnya, Razali Johari bersama dengan barisan pengurusan serta urus setia Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) Zon Tengah 2026.

Menerusi kenyataan sama, Razali berkata perbincangan memfokus kepada usaha memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan industri bagi memastikan latihan yang ditawarkan terus memenuhi keperluan sektor automotif serta meningkatkan daya saing graduan di pasaran pekerjaan.

"Kolaborasi erat antara institusi pendidikan dan pemain industri merupakan kunci kepada pembangunan modal insan berkualiti selaras dengan keperluan industri yang sentiasa berkembang.

"PSAS komited untuk terus memperluas kerjasama strategik bersama Proton bagi menyediakan graduan yang kompeten, berdaya saing dan bersedia memenuhi keperluan industri masa hadapan," katanya.

Beliau berkata kerjasama berterusan dengan Proton diyakini mampu membuka lebih banyak peluang kepada pelajar memperoleh pendedahan industri selain mengukuhkan hubungan antara tenaga akademik dan sektor automotif dalam aspek perkongsian kepakaran serta pembangunan teknologi.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : PSAS PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PROTON TINGKAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET

SUMBER : BERNAMA - 14 JULAI 2026

"Kunjungan ini turut menjadi simbol penghargaan kepada Proton atas kesediaan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Proton Datuk Ir Abdul Rashid Musa menerima jemputan sebagai penyampai sijil graduan pada Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) Zon Tengah 2026 yang dijadual berlangsung pada 27 Sept ini.

"Penglibatan kepimpinan syarikat automotif nasional berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Proton dalam menyokong agenda pemeraksanaan TVET negara serta memperkuat hubungan strategik antara industri dan institusi pendidikan tinggi teknikal," katanya.

Razali berkata PSAS berharap jalinan strategik itu akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kerjasama berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada pelajar, pensyarah dan industri sekali gus menyokong aspirasi negara memperkuat ekosistem TVET sebagai pemacu pembangunan ekonomi berasaskan teknologi serta inovasi.

-- BERNAMA